

**Pusat Khidmat Pelanggan**Tel Hubungi 1 300 80 3030
pada kadar tempatan

Faks +603 2171 3030

Emel amassurance-general@ambankgroup.comSMS Taip AmG<jarak>mesaj
Hantar ke 33911 (AmAlert)**LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk Polisi Peralatan (Equipment)****NOTA PENTING:** Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Peralatan (Equipment). Pastikan anda juga telah membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.**1. Apakah perincian produk ini?**

Polisi Peralatan ini menyediakan anda perlindungan untuk kehilangan atau kerosakan peralatan dan aksesori dan alat ganti yang disebabkan oleh kemalangan, pertembungan atau terbalik, kebakaran dan kecurian.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

- ❖ Kemalangan, pertembungan atau terbalik
- ❖ Pertembungan atau terbalik yang diakibatkan ketika kerosakan mekanikal atau diakibatkan ketika memakai dan koyak
- ❖ Kebakaran, letupan luaran, pembakaran automatic atau petir
- ❖ Rompakan atau Kecurian

Syarikat akan membayar secara tunai terhadap kehilangan atau kerosakan, mengembalikan atau menggantikan, peralatan atau aksesori atau alat ganti, tetapi liabiliti Syarikat tidak seharusnya melebihi nilai bahagian yang hilang atau rosak dan kos yang munasabah bagi memasang atau membaiki bahagian tersebut.

Jika peralatan tidak berfungsi disebabkan oleh kerosakan, Syarikat akan menanggung kos jika tidak melebihi RM500.00 sewajarnya diberikan untuk perlindungan dan pemindahan ke bengkel yang berhampiran dan untuk penghantaran dalam negara di mana berlakunya kehilangan dan kerosakan tersebut.

Tempoh perlindungan ialah setahun dan anda perlu memperbaharui polisi secara tahunan.

3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada keperluan penajajamin syarikat insurans yang anda pilih:-

Perlindungan standard :RM _____ premium untuk jumlah yang diinsuranskan RM _____

Perlindungan tambahan :RM _____

Jumlah bayaran premium yang dijangkakan adalah: RM _____

4. Apakah jumlah yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Apakah yang perlu anda bayar selain premium	Jumlah
Cukai perkhidmatan (jika ada)	5% daripada premium
Duti setem	RM10.00

Perkara yang termasuk di dalam premium	Jumlah
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ketahui?

- ❖ Kepentingan perakuan – Anda perlu memaklumkan kesemua fakta penting yang anda ketahui atau perlu ketahui; atau polisi anda mungkin menjadi tidak sah
- ❖ Polisi ini seharusnya diinsuranskan atas terhadap anggaran jumlah yang diinsuranskan terhadap nilai harta

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi ini***6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak akan membayar gantirugi kepada pihak yang diinsuranskan terhadap kerugian

- ❖ Di luar Had Wilayah seperti yang dinyatakan di dalam jadual
- ❖ Ketika peralatan sedang digunakan di atas jalan seperti yang dinyatakan dalam Ordinan Trafik dan Jalanraya
- ❖ Ketika dalam transit (termasuk proses pemunggahan dan penyimpanan)
- ❖ Ketika peralatan dikendalikan oleh seseorang selain dari pemandu/operator yang rasmi
- ❖ Ketika peralatan sedang digunakan tidak berdasarkan batas penggunaannya
- ❖ Ketika peralatan dikendalikan oleh pemandu/operator rasmi yang berada di bawah pengaruh arak tau dadah yang memabukkan.
- ❖ Ketika peralatan digunakan untuk memproses sebarang perkara yang menyalahi undang-undang
- ❖ Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh lebih bebanan atau ketegangan
- ❖ Sebarang turutan kerugian atau liabiliti undang-undang
- ❖ Kerugian dan kerosakan yang diakibatkan oleh terpendam atau sebarang kerosakan mekanikal, kekacauan mekanikal, kegagalan mekanikal atau elektrik, keretakan, susut nilai, keadaan atmosfera atau sebarang sebab pemrosesan secara beransur-ansur
- ❖ Kerosakan mekanikal dan elektrik atau dipakai atau koyak

- ❖ Kehilangan atau kerosakan yang disebabkan secara sengaja atau ketidakjujuran oleh pekerja pihak yang diinsuranskan
- ❖ Kerugian aksesori dan alat ganti dan bahagian kecuali seluruh peralatan dicuri pada masa yang sama
- ❖ Kerugian atau kerosakan pada tayar atau roda atau trek kecuali peralatan tersebut juga rosak pada masa yang sama
- ❖ Kerugian atau kerosakan pada kanopi, kecuali disebabkan oleh atau disebabkan dari peralatan tersebut terbalik
- ❖ Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau timbul yang disebabkan oleh pengesanan terhadap gempa bumi, letupan gunung berapi, banjir, taufan, puting beliung atau sebarang bencana alam
- ❖ Mogok, rusuhan dan kekecohan awam
- ❖ Disebabkan oleh atau timbul daripada akibat atau dikawal oleh material senjata nuklear secara langsung atau tidak langsung
- ❖ Peperangan, Perang Saudara atau sebarang aktiviti Keganasan.

Please Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Sebaik pembatalan, anda berhak menerima pulangan bayaran premium ditolak premium berdasarkan kadar tempoh pendek* kami untuk tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang disimpan oleh kami. Tiada premium akan dikembalikan jika terdapat tuntutan dibuat di bawah polisi ini.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmG Insurance Berhad

Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

Pusat Perkhidmatan Pelanggan

Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 80 3030 Faks: (603) 21713030
E-Mel: amassurance-general@ambankgroup.com
Laman web: <https://www.amassurance.com.my>

10. Lain-lain jenis perlindungan yang disediakan

Sila rujuk cawangan dan ejen-ejen kami untuk maklumat mengenai jenis-jenis perlindungan seumpamanya yang disediakan

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU BERHUBUNG TERUS DENGAN SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.